

Courts Asia Umum Pelantikan Tiga Pemimpin Untuk Singapura, Malaysia Dan Indonesia
Bernama
25 Januari, 2013
Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah

SINGAPURA, 25 Jan (Bernama) -- Courts Asia Ltd, syarikat pengeluar utama barangan elektrik, produk IT dan peruncit perabot di Singapura dan Malaysia, Jumaat mengumumkan mengenai tiga pelantikan utama di Singapura, Malaysia dan Indonesia, selari dengan pertumbuhan perniagaannya.

Syarikat itu berkata kumpulan itu melantik Cik Tammy Teo sebagai Ketua Strategi dan Komunikasi Serantau, jawatan baharu dalam kumpulan itu, berpejabat di Singapura.

Di Malaysia dan Indonesia, veteran industri Allard Sjollema dan Roy Santoso masing-masing dilantik sebagai Pengarah Negara di kedua-dua negara berkenaan.

Ketiga-tiga mereka menyertai Courts Asia pada Januari 2013.

Mengulas pelantikan pasukan kanan itu, Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Courts Asia Terence Donald O'Connor, berkata : "Kami bangga menerima ketiga-tiga eksekutif kanan, yang memiliki pengalaman luas dalam bidang masing-masing dalam pasukan kami, dan akan memperkukuh pasukan pengurusan.

Beliau berkata pelantikan itu penting memandangkan ia merupakan hasrat perniagaan menyeluruh Courts Asia bagi melaksanakan pelan peluasan dan meningkatkan komunikasi kami dengan semua pemegang kepentingan."

Teo akan bertanggungjawab ke atas pelan jangka panjang serta mengurus inisiatif strategik dengan pemegang kepentingan dalaman bagi meningkatkan perniagaan dalam seluruh pasaran Asia serta mengurus spektrum penuh bidang komunikasi.

Di Malaysia, Allard Sjollema dilantik sebagai Pengarah Negara kumpulan itu dan bertanggungjawab memantau keseluruhan operasi peruncitan di negara itu.

Sjolleman memiliki pengalaman dalam bidang peruncitan melebihi dua dekad, sebahagian besarnya di Asia.

Courts Asia memiliki penguasaan pasaran terbesar di Singapura dan kedua terbesar di Malaysia.

Courts Asia mengurus 70 kedai yang meliputi lebih daripada satu juta kaki persegi ruang peruncitan termasuk 13 kedai di Singapura dan 57 di Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=924222>